

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN
[BAYAN BARU]

SOALAN :

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah penumpang LRT untuk LRT laluan Kelana Jaya dan LRT laluan Ampang secara purata setiap hari dari 2011 hingga 2016. Apakah peningkatan penumpang yang dicatatkan sejak pembukaan penuh stesen-stesen baru sejak Jun 2016.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Purata jumlah penumpang harian yang menggunakan perkhidmatan LRT laluan Kelana Jaya dari tahun 2011 sehingga Ogos 2016 adalah seramai 260,918 penumpang. Sementara itu, purata jumlah penumpang harian yang menggunakan perkhidmatan LRT laluan Ampang adalah seramai 204,810 penumpang.
2. Jumlah penumpang ini tidak termasuk 13 stesen baru yang bagi laluan LRT Kelana Jaya dan 11 stesen baru bagi laluan LRT Ampang di bawah Projek Sambungan Jajaran LRT (*LRT Extension Project - LEP*) yang mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Jun 2016.
3. Dengan pembukaan laluan baru ini, purata kenaikan kadar penumpang harian adalah seramai 15,404 penumpang bagi laluan LRT Kelana Jaya, meliputi laluan dari stesen Putra Heights hingga stesen Gombak. Manakala laluan LRT Ampang turut menunjukkan peningkatan purata jumlah penumpang harian seramai 2,582 penumpang, meliputi laluan dari stesen Putra Heights ke stesen Sentul Timur termasuk laluan cabang ke stesen Ampang.

Sekian, terima kasih.